

TARIKH	AGENSI	SUBJEK	MEDIA	TAJUK	MUKA SURAT
25/4/2018	IKN	Kanser	Utusan Borneo (Sarawak)	Perkhidmatan kesihatan terbaik bukan omong kosong	16

16 **Utusan Borneo** Rabu, 25 April 2018

Perkhidmatan kesihatan terbaik bukan omong kosong

Malaysia diiktiraf destinasi pelancongan kesihatan dan perubatan

PUTRAJAYA: Komitmen kerajaan menyediakan perkhidmatan kesihatan berkualiti yang merupakan antara terbaik di dunia untuk rakyat Malaysia, bukanlah omong kosong, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana menteri berkata ini terbukti apabila Laporan Jurnal Antarabangsa Pelancongan Kesihatan mengiktiraf Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan dan perubatan selama tiga tahun berturut-turut sejak 2015.

Katanya, majalah International Living turut mengiktiraf Malaysia sebagai antara lima negara terbaik di dunia dalam bidang penjagaan kesihatan.

"Ini kerana aku janji dibuat kerajaan berjaya dilaksanakan. Dalam manifesto Barisan Nasional (BN) Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), kita tetapkan penjagaan kesihatan dan gaya hidup antara satu daripada 14 teras keutamaan diperjuangkan kerajaan untuk lima tahun akan datang," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Institut Kanser Negara (IKN) di sini semalam.

Menerusi akujanji berkenaan, Najib memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus menambah baik dan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mudah diakses rakyat.

Mengambil contoh kisah Razali Tompong yang viral di sosial media pada 2013, Najib berkata kisah itu menyentuh hati beliau secara peribadi kerana Razali yang dikejutkan dengan bil rawatan kanser arwah bapanya di Hospital Kuala Lumpur sekitar RM11,000 dan mempunyai RM100 di dalam poket, hanya dikenakan caj sebanyak RM31.80 dan selebihnya ditanggung oleh kerajaan.

"Inilah kerajaan yang



PRIHATIN: Najib (kanan) beramah mesra dengan dua pesakit Suriya Ibrahim, 45, (duduk kanan) dan Noradida Md Yasin, 64, yang menerima rawatan Institut Kanser Negara (IKN) pada majlis perasmian institut berkenaan semalam. — Gambar Bernama

sentiasa menjaga kebajikan rakyat. Perkara ini perlu disebar luas tentang betapa banyak subsidi yang diberikan oleh kerajaan dalam bidang kesihatan kepada rakyat setiap tahun.

"Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S. Subramaniam menyebut mengenai kos rawatan kanser menggunakan mesin Novalis mencecah hampir RM40,000 di hospital swasta, tetapi di hospital kerajaan, pesakit hanya perlu membayar RM12," katanya.

Novalis Tx digunakan bagi meningkatkan ketepatan pancaran radiasi kepada sel kanser tanpa menjejaskan sel tisu sihat di kawasan lain.

Najib turut memberi pengiktirafan kepada bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi kerana mencetus idea penubuhan Institut Kanser Negara (IKN)

“Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S. Subramaniam menyebut mengenai kos rawatan kanser menggunakan mesin Novalis mencecah hampir RM40,000 di hospital swasta, tetapi di hospital kerajaan, pesakit hanya perlu membayar RM12.”

Datuk Seri Najib Tun Razak
Perdana Menteri

pada 2007 yang membabitkan kos RM700 juta dan setakat ini, IKN mengendalikan 37,452 pesakit berbanding 505 pesakit ketika mula beroperasi pada 2013.

Dengan nada mesra, perdana menteri menyampaikan serangkap pantun, walaupun pembayangnya mengenai isu di Selangor dan pilihan raya,

namun pada maksudnya terserah penghargaan kepada Abdullah: Sungguhpun di negeri Selangor terjumpa baldi; Kes denggi tertinggi di Darul Ehsan tetap kita perangi; Biarlah pemimpin itu bawa hati ke Pulau Langkaw; Namun yang paling penting Pak Lah tetap setia kekal di sini. — Bernama

TARIKH	AGENSI	SUBJEK	MEDIA	TAJUK	MUKA SURAT
6/9/2018	IKN	Kanser	Utusan Borneo (Sarawak)	850 ujian klinikal onkologi, terapeutik setiap tahun	16

850 ujian klinikal onkologi, terapeutik setiap tahun

PUTRAJAYA: Sekitar 850 ujian klinikal onkologi dan terapeutik dijalankan di Malaysia setiap tahun untuk meningkatkan ikhtiar hidup pesakit, kata Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal), Datuk Dr Shahnaz Murad.

Katanya, kajian baharu dan yang sedang dijalankan oleh Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM), sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang dimulakan pada 2012 oleh Kementerian Kesihatan, bertujuan membangunkan ubat-ubatan untuk pencegahan, diagnosis dan rawatan penyakit.

“Tujuan CRM adalah untuk membantu usaha Kementerian Kesihatan dalam penyelidikan baharu, seperti penyelidikan yang ditaja oleh industri, untuk persediaan perubatan masa hadapan.

“Ini membolehkan kita merawat dan memberi pilihan rawatan kepada pesakit terutamanya selepas mereka menjalani terapi standard,”

kata Dr Shahnaz kepada pemberita selepas merasmikan Hari Penyelidikan Institut Kanser Negara (IKN) kedua dan Hari Ujian Klinikal 2018 di sini, semalam.

Beliau berkata penyelidikan tersebut merupakan antara usaha baharu kearah masa hadapan yang lebih baik, melalui penawaran rawatan yang cepat dan boleh dipercayai, terutamanya kepada pesakit kanser.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CRM Dr Akhmal Yusof berkata, IKN bersama penyelidik dan ahli onkologi dari Sabah, Sarawak, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sedang rancang menjalankan penyelidikan klinikal yang merangkumi 20 hingga 25 kajian mengenai onkologi dan rawatan kanser.

“Setiap kajian, bergantung kepada kemajuannya, akan mengambil masa antara dua dan lima tahun untuk dilengkapkan.

“Ia kajian-kajian yang bakal membawa banyak manfaat

kepada pesakit. Mereka yang bertindak balas dengan baik mungkin akan bebas daripada perkembangan penyakit dan bakal mempunyai kualiti hidup yang lebih baik,” kata Dr Akhmal.

Pada majlis yang diadakan di auditorium IKN itu, Dr Shahnaz menyampaikan Anugerah Penyelidikan Kontrak kepada IQVIA Malaysia, Anugerah Perekrut Terbaik kepada Dr Shereen Ch’ng Suyin (Hospital Selayang) dan Dr Wong Yoke Fui (IKN), Anugerah Penyelidik kepada Dr Voon Pei Jye (Hospital Besar Sarawak) dan Anugerah Tapak Percubaan Klinikal Tahun Ini kepada IKN.

Beliau juga melancarkan kempen ‘Saya Sedar’, sebuah program pendidikan awam mengenai manfaat dan risiko penyertaan dalam ujian klinikal, yang bakal melibatkan aktiviti jerayawara di klinik dan hospital awam di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut, layari www.clinicalresearch.my/iamaware. — Bernama